



# SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

## PM BERPELUANG DEKATI PKS MELALUI SESI TOWNHALL SEMPENA SMIDEX 2017

**KUALA LUMPUR, 16 November** – Sesi Townhall PKS bersama YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak buat julung kalinya telah dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia bersempena dengan Majlis Perasmian Pameran Tahunan PKS (SMIDEX) & Persidangan PKS 2017 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa (MITEC) hari ini. Sesi Townhall ini memberi peluang kepada PKS untuk lebih memahami keadaan semasa ekonomi Malaysia, peruntukan Bajet 2018 untuk PKS dan meningkatkan kesedaran mengenai usaha-usaha Kerajaan bagi mempersiapkan PKS ke arah Megatrend, Revolusi Perindustrian 4.0 dan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

SMIDEX 2017 yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri ini merupakan penganjuran SMIDEX kali ke-20. Bertemakan "*Embracing Change, Enhancing Gain*" (Menerajui Perubahan, Meningkatkan Manfaat), ia menandakan daya tahan dan daya saing PKS tempatan tetap tinggi di dalam mengatasi perubahan persekitaran ekonomi yang mencabar. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, PKS tempatan dijangka menyumbang kira-kira 37 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menjelang akhir tahun ini dan ekonomi Malaysia pada tahun ini dijangka berkembang antara 5.2 peratus dan 5.7 peratus jelas menunjukkan bahawa PKS Malaysia kekal berdaya tahan.

SMIDEX 2017 yang berlangsung selama 3 hari bermula semalam sehingga 17 November ini juga menjadi saluran bagi PKS untuk menunjukkan keupayaan dan kesediaan mereka untuk menembusi pasaran serantau dan global. Lebih 300 peserta pameran yang terdiri daripada PKS, Syarikat Multi-Nasional (MNC), badan Kerajaan dan Agensi tempatan & antarabangsa mengambil bahagian dalam pameran pada tahun ini. Semasa SMIDEX 2016 tahun lepas, sesi pemandanan perniagaan yang diadakan telah menjana sejumlah

RM528.8 juta potensi jualan sepanjang tiga hari ia berlangsung. Tahun ini SME Corp. Malaysia berhasrat untuk mencapai transaksi dalam bentuk potensi jualan bernilai RM555 juta bagi sesi pemandangan perniagaan. Di antara syarikat besar yang terlibat di dalam sesi pemandangan perniagaan pada SMIDEX kali ini adalah Tesco, Mydin, Lulu Hypermarket, Celcom, Digi, MRT Corp, MRCB, TM dan Pos Malaysia.

Bagi Persidangan PKS 2017 pula, para peserta disajikan dengan sesi perkongsian ilmu pengetahuan yang interaktif di samping peluang membina rangkaian perniagaan selama 2 hari iaitu pada 15 & 16 November 2017. Beberapa penceramah terkenal seperti YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri MITI; YB Khairy Jamaluddin, Menteri KBS; YBhg. Dato' Hj Ameer Ali bin Mydin, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd.; juga dua usahawan terkemuka Malaysia, Fadzarudin Anuar dan Vivy Yusof, Pengasas FashionValet akan berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka di Persidangan PKS 2017. Persidangan PKS kali ini juga turut memberikan sedikit kelainan di mana DYAM Tunku Mahkota Johor telah mencemar duli dan berkongsi pengalaman dan pendapat beliau bersama-sama dengan para peserta pada Sesi *Royal Luncheon Talk* dengan tajuk *Staying on Top of Your Game* yang telah diadakan semalam.

Selain daripada pameran produk dan persidangan, SMIDEX kali ini juga turut menampilkan beberapa aktiviti lain seperti sesi *Pocket Talk*, pertandingan *WhaddaHACK*, Sesi Ramah Mesra bersama barisan pelakon Drama Chor & Chah dan sebagai acara kemuncak, Majlis Makan Malam Anugerah Enterpris 50 akan berlangsung pada 17 November 2017. Majlis perasmian SMIDEX, Persidangan PKS 2017 dan Sesi Townhall bersama YAB Perdana Menteri turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YB Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan; YB Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YB Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YBhg. Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Haji Abdul Majid, Pengerusi, SME Corp. Malaysia; dan YBhg. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

**- Tamat -**

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 ([amysarah@smeCorp.gov.my](mailto:amysarah@smeCorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smeCorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smeCorp.gov.my)).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,  
Jalan Stesen Sentral 2,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>  
e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.